

# KERATAN AKHBAR

NAMA : KOSMO (Negara)

TARIKH: 9 FEBRUARI 2018 M/S: 4

## Usaha tingkatkan perkhidmatan, standard PBT

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memperkenalkan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan menjelang akhir bulan ini bagi meningkatkan lagi standard dan kualiti perkhidmatan mereka.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pelan itu akan

mengandungi enam prinsip iaitu pemerkasaan modal insan, penyampaian perkhidmatan cemerlang, penguatkuasaan kemampuan kewangan, kesejahteraan rakyat, penyertaan masyarakat dan komunikasi berkesan.

Kata beliau, oleh kerana pihak berkuasa tempatan (PBT) memainkan peranan penting dalam mengurus bandar raya dan kawasan

bandar, maka orang ramai meletakkan harapan tinggi di bahunya.

“Di samping pelan transformasi, bagi memastikan mereka (pihak berkuasa tempatan) menyampaikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan, kementerian saya juga melaksanakan Sistem Penarafan Bintang bagi Pihak Berkuasa Tempatan.

“Penarafan ini membuat penilaian tentang kualiti perkhidmatan bandar yang disampaikan pihak berkuasa tempatan setiap dua tahun dan mereka perlu mencapai sekurang-kurangnya penarafan empat bintang,” kata Noh semasa Sesi Rundingan Meja Bulat Menteri pada Forum Bandar Sedunia Ke-9 di sini semalam.  
- Bernama